

ISU AKREDITASI: SAMPAI BILA FSU USIM HARUS MENUNGGU?

Oleh: Muhammad Alief Hakimie bin Ramli, 1170974,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 21 Ogos 2020



Terdapat beberapa sekolah undang-undang di Malaysia sama ada di universiti awam atau swasta. Menurut hotcourseabroad.com, terdapat 22 institusi pengajian tinggi awam di Malaysia yang menawarkan program undang-undang dan jumlah itu tidak termasuk institusi swasta.

Banyak sekolah undang-undang di pelbagai universiti tempatan yang telah melahirkan hakim-hakim yang bijaksana, peguam-peguam dan pegawai undang-undang serta ahli akademik.

Namun, bagi graduan undang-undang yang ingin menjalani latihan dalam kamar dan seterusnya menjadi peguambela dan peguamcara sivil sebaik sahaja habis pengajian di peringkat sarjana muda, sekolah undang-undang terbabit mesti terlebih dahulu mendapat akreditasi dan pengiktirafan penuh oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang (LKPU/LPQB).

Semua sekolah undang-undang telah menerima akreditasi dari LPQB kecuali Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Sejak penubuhannya pada 2010 sehingga kini, pelbagai kehendak dari LPQB telah FSU penuhi termasuk penambahan subjek dan jam kredit serta penukaran nama program dari Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang (SMSU) ke Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah (SMUS). Namun, isu pengiktirafan LPQB masih belum selesai.

Ini menjadi beban bagi graduan program tersebut kerana mereka perlu menduduki peperiksaan Sijil Amalan Guaman (PSAG/CLP) yang mana peperiksaan ini memerlukan yuran pendaftaran sebanyak RM4,000 tidak termasuk yuran bagi jumlah subjek yang diambil yang juga melebihi RM1,000 bagi setiap subjek.

Hakikatnya, sijil ini hanya diperlukan oleh pelajar luar negara yang mahu beramal di Malaysia namun disebabkan FSU belum diiktiraf oleh LPQB, mereka wajib menduduki peperiksaan ini jika mahu menjadi peguambela atau peguamcara sivil.

Mengikut sejarah FSU, hanya seorang alumni sahaja yang pernah lulus kerana betapa sukarnya peperiksaan ini. Alumni yang lain ada yang gagal dan ada yang meneruskan kerjaya sebagai peguam syarie.

Wakil pelajar SMUS, Saudara Muhammad Ameer Hafiy Amri menyatakan bahawa program yang mempunyai 196 jam kredit ini merupakan program berkembar iaitu undang-undang dan syariah.

Mata pelajaran bagi aliran undang-undang lebih banyak berbanding syariah yang mana subjek syariah serta undang-undang hanya terdapat ketika berada di tahun 1 sehingga 3 manakala pada tahun 4 dan 5 mereka hanya mempelajari subjek undang-undang dan sivil.

Beliau memahami perasaan senior yang berhempas-pulas mempelajari subjek-subjek ini lebih-lebih lagi apabila sijil mereka tidak laku semasa memohon kerja sebagai peguambela atau peguamcara sivil.

Menurut surat yang dikeluarkan oleh Pejabat Dekan FSU, mereka telah menerima surat dari LPQB bertarikh 27 Julai 2020 yang memaklumkan ketetapan tarikh bagi tujuan pengiktirafan penuh bagi program SMUS.

Tarikh bagi ujian penilaian akhir program Latihan Kemahiran dan Praktikal adalah pada 26 dan 27 September 2020 di FSU, USIM manakala tarikh bagi penilaian (audit) adalah pada 17 November 2020.

Sehubungan itu, seluruh mahasiswa USIM berharap sekolah undang-undang FSU dapat diiktiraf sepenuhnya oleh LPQB. Semoga FSU menerima pengiktirafan penuh daripada LPQB tahun ini.





PEJABAT DEKAN
FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

MAKLUMAN TARIKH UJIAN AKHIR MODUL DAN TARIKH PENILAIAN JTC BERHUBUNG PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN PENUH PROGRAM SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG DAN SYARIAH (SMUS) OLEH LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA (LKPU)

Adalah dimaklumkan bahawa Fakulti telah menerima surat Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LKPU) bertarikh 27 Julai 2020 yang memaklumkan ketetapan tarikh-tarikh baharu bagi tujuan pengiktirafan penuh program SmUS seperti berikut:

a) Tarikh baharu ujian penilaian akhir program Latihan Kemahiran dan Praktikal adalah pada **26 dan 27 September 2020** di FSU, USIM.

Tarikh	Waktu	Mata Pelajaran
26.9.2020	9.30 pagi – 11.30 pagi	Criminal Procedure
	2.00 petang – 4.00 petang	Law of Probate and Administration Estates
27.9.2020	9.30 pagi – 11.30 pagi	Civil Procedure
	2.00 petang – 4.00 petang	Bankruptcy Laws

b) Tarikh baharu lawatan penilaian (audit) adalah pada **17 November 2020**.

Sekian, harap maklum.

DR. NORFADHILAH MOHAMAD ALI
MENJALANKAN TUGAS DEKAN
FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
29 JULAI 2020/8 ZULHIJJAH 1441H